

# Garis Panduan Pengimportan Sisa Pepejal Import Plastik di bawah **HS Kod 39.15**

Edisi Pertama 2022

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

# ISI KANDUNGAN

TUJUAN	1
LATAR BELAKANG	1
TAKRIFAN	2
SYARAT-SYARAT KHAS LESEN IMPORT BERHUBUNG DENGAN PENGIMPORAN SISA PEPEJAL IMPORT PLASTIK DI BAWAH HS KOD 39.15	4 - 11
A. Dibalut dengan kemas	4
B. Bersih	5 - 10
B.1 Mengandungi tidak lebih 5% tanah atau pasir melekat	5 - 6
B.2 Bersih dan bebas daripada kesan minyak	7
B.3 Bersih dan bebas daripada air larut resap ( <i>leachate</i> )	8
B.4 Bersih dan bebas daripada kulapuk atau kulat	9
B.5 Bersih dan bebas daripada serangga ( <i>bugs</i> )	10
C. Homogen	11

## TUJUAN


Garis Panduan Pengimportan Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 (“Garis Panduan”) adalah bertujuan untuk memperjelaskan syarat-syarat khas lesen import berhubung dengan pengimportan sisa pepejal import plastik sebagai panduan kepada pemegang lesen import bagi Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15.

## LATAR BELAKANG

Pengimportan Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 ke Malaysia adalah dilarang, kecuali di bawah suatu lesen import di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017 [*P.U.(A) 103/2017*].

Pegawai Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (‘JPSPN’) yang diberi kuasa adalah bertanggungjawab untuk menandatangani, meminda dan membatalkan lesen-lesen import berkenaan Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 yang disenaraikan dalam Butiran 14, Bahagian I, Jadual Kedua, P.U.(A) 103/2017.

Lesen import bagi Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 ini dikeluarkan secara atas talian melalui sistem ePermit.



## TAKRIFAN

Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

- ▶ “**bandela**” ertinya bungkus Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15;
- ▶ “**bersih**” ertinya bebas daripada kotoran termasuk tanah atau pasir melekat, kesan minyak, air larut resap, kulapuk atau kulat dan serangga secara visual setakat had yang dibenarkan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini;
- ▶ “**homogen**” ertinya bahagian-bahagian atau unsur-unsur yang sama jenisnya, kehomogenan dan keadaan atau sifat homogen<sup>1</sup>;
- ▶ “**lesen import**” ertinya lesen import yang dikeluarkan oleh pegawai Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang dilantik sebagai Pegawai Kastam Yang Hak bagi pengimportan apa-apa sisa, keratan atau sekerap plastik di bawah HS Kod 39.15 yang disenaraikan dalam Butiran 14, Bahagian I, Jadual Kedua, P.U.(A) 103/2017; dan
- ▶ “**Sisa Pepejal Import Plastik**” ertinya apa-apa sisa, keratan atau sekerap plastik yang masih mempunyai nilai komersial dan boleh dikitar semula yang dihasilkan di negara lain dan diimport ke Malaysia untuk diproses atau dilupuskan selain daripada sumber isi rumah (*household*).

---

<sup>1</sup> Dalam Bahasa Inggeris homogenous

## **SYARAT-SYARAT KHAS LESEN IMPORT BERHUBUNG DENGAN PENGIMPORAN SISA PEPEJAL IMPORT PLASTIK DI BAWAH HS KOD 39.15**

Pemegang lesen import bagi Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 hendaklah memastikan spesifikasi umum yang berikut dipenuhi semasa pengimportan Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15:

**A.**

**dibalut dengan kemas;**

**B.**


**bersih; dan**

**C.**

**homogen.**

## A. Dibalut dengan kemas


Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 hendaklah dimampatkan, dimasukkan ke dalam bandela dan kemudiannya diikat atau dibalut dengan kemas menggunakan pembalut yang boleh dikitar semula. Bahan pengikat atau pembalut tersebut hendaklah dikitar semula dan tidak boleh dilupuskan di tapak pelupusan dalam negara.

Visual	Keterangan
 <p data-bbox="443 1290 603 1321"><b>Gambar A1</b></p>	 <p data-bbox="1043 680 1391 801"><b><u>Contoh pematuhan syarat-syarat khas lesen import:</u></b></p> <p data-bbox="868 891 1391 1137">Bandela Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 hendaklah diikat atau dibalut dengan kemas menggunakan pembalut yang boleh dikitar semula sebagaimana Gambar A1.</p>
 <p data-bbox="443 1926 603 1957"><b>Gambar A2</b></p>	 <p data-bbox="1043 1397 1391 1518"><b><u>Contoh pelanggaran syarat-syarat khas lesen import:</u></b></p> <p data-bbox="868 1608 1391 1854">Bandela Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 tidak diikat atau dibalut dengan kemas menggunakan pembalut yang boleh dikitar semula sebagaimana Gambar A2.</p>

## B. Bersih

Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 hendaklah mematuhi kriteria seperti berikut:

### B.1 Mengandungi tidak lebih 5% tanah atau pasir melekat



Visual	Keterangan
 <p data-bbox="416 1491 571 1525"><b>Gambar B1</b></p>	<div data-bbox="842 869 954 981" style="display: inline-block; vertical-align: top;"> </div> <p data-bbox="987 864 1390 981"><b><u>Contoh pemuatan syarat-syarat khas lesen import:</u></b></p> <p data-bbox="810 1077 1390 1234">Tanah atau pasir yang melekat pada Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 mestilah tidak melebihi 5% daripada berat keseluruhan bandela.</p> <p data-bbox="810 1285 1390 1532">Sekiranya berlaku pertikaian, pengimport bertanggungjawab membuat pembuktian melalui kaedah pengukuran berat dengan kos terlibat ditanggung sepenuhnya oleh pihak pengimport.</p>

Visual	Keterangan
 <p data-bbox="427 936 587 967"><b>Gambar B2</b></p>	<p data-bbox="858 376 967 479"></p> <p data-bbox="1007 367 1390 488"><u>Contoh pelanggaran syarat-syarat khas lesen import:</u></p> <p data-bbox="831 577 1390 913">Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 yang dicemari tanah atau pasir melekat melebihi 5% dan tidak diikat atau dibalut menggunakan pembalut yang boleh dikitar semula sebagaimana Gambar B2 adalah tidak mematuhi syarat-syarat khas lesen import.</p>


## B.2 Bersih dan bebas daripada kesan minyak

Visual	Keterangan
 <p data-bbox="443 1025 608 1059"><b>Gambar B3</b></p>	<p data-bbox="895 439 1007 546"></p> <p data-bbox="1043 432 1390 551"><u>Contoh pemuatan syarat-syarat khas lesen import:</u></p> <p data-bbox="869 640 1390 763">Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 mestilah bersih dan bebas daripada kesan minyak.</p>
 <p data-bbox="443 1778 608 1812"><b>Gambar B4</b></p>	<p data-bbox="895 1135 1007 1243"></p> <p data-bbox="1043 1128 1390 1247"><u>Contoh pelanggaran syarat-syarat khas lesen import:</u></p> <p data-bbox="869 1337 1390 1630">Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 yang dicemari kesan minyak dan tidak diikat atau dibalut menggunakan pembalut yang boleh dikitar semula sebagaimana Gambar B4 adalah tidak mematuhi syarat-syarat khas lesen import.</p>


### B.3 Bersih dan bebas daripada air larut resap (*leachate*)

Visual	Keterangan
 <p data-bbox="443 1099 604 1133"><b>Gambar B5</b></p>	<div data-bbox="895 434 1003 544" style="text-align: center;"> </div> <p data-bbox="1046 434 1390 551"><b><u>Contoh pemuatan syarat-syarat khas lesen import:</u></b></p> <p data-bbox="871 645 1390 846">Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 mestilah bersih dan bebas daripada air larut resap (<i>leachate</i>) sebagaimana Gambar B5.</p>
 <p data-bbox="443 1809 604 1843"><b>Gambar B6</b></p>	<div data-bbox="895 1211 1003 1321" style="text-align: center;"> </div> <p data-bbox="1046 1205 1390 1321"><b><u>Contoh pelanggaran syarat-syarat khas lesen import:</u></b></p> <p data-bbox="871 1415 1390 1749">Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 yang mempunyai air larut resap (<i>leachate</i>) mengalir keluar dan tidak diikat atau dibalut menggunakan pembalut yang boleh dikitar semula sebagaimana Gambar B6 adalah tidak mematuhi syarat-syarat khas lesen import.</p>

## B.4 Bersih dan bebas daripada kulapuk atau kulat

Visual	Keterangan
 <p data-bbox="443 1010 608 1043"><b>Gambar B7</b></p>	<div data-bbox="895 439 1002 546" style="text-align: center;">  </div> <p data-bbox="1043 432 1390 551"><b><u>Contoh pematuhan syarat-syarat khas lesen import:</u></b></p> <p data-bbox="869 640 1390 804">Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 mestilah bersih dan bebas daripada kulapuk atau kulat sebagaimana Gambar B7.</p>
 <p data-bbox="443 1659 608 1693"><b>Gambar B8</b></p>	<div data-bbox="895 1122 1002 1229" style="text-align: center;">  </div> <p data-bbox="1043 1122 1390 1240"><b><u>Contoh pelanggaran syarat-syarat khas lesen import:</u></b></p> <p data-bbox="869 1330 1390 1532">Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 yang dicemari kulapuk atau kulat sebagaimana Gambar B8 adalah tidak mematuhi syarat-syarat khas lesen import.</p>

## B.5 Bersih dan bebas daripada serangga (*bugs*)

Visual	Keterangan
 <p data-bbox="443 1032 604 1066"><b>Gambar B9</b></p>	<div data-bbox="895 434 1003 544"> </div> <p data-bbox="1043 432 1390 551"><b><u>Contoh pemuatan syarat-syarat khas lesen import:</u></b></p> <p data-bbox="871 640 1390 763">Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 mestilah bersih dan bebas daripada serangga (<i>bugs</i>).</p>
 <p data-bbox="435 1861 612 1895"><b>Gambar B10</b></p>	<div data-bbox="895 1144 1003 1254"> </div> <p data-bbox="1043 1142 1390 1261"><b><u>Contoh pelanggaran syarat-syarat khas lesen import:</u></b></p> <p data-bbox="871 1350 1390 1682">Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 yang didapati mengandungi serangga (<i>bugs</i>) dan tidak dibalut menggunakan pembalut plastik yang boleh dikitar semula sebagaimana Gambar B10 adalah tidak mematuhi syarat-syarat khas lesen import.</p>

## C. Homogen

Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 yang diimport hendaklah homogen iaitu tidak bercampur dengan bahan lain seperti kertas, kaca, kayu, logam dan buangan terjadual.

Visual	Keterangan
 <p data-bbox="443 1173 603 1209"><b>Gambar C1</b></p>	<div data-bbox="895 618 1007 725"> </div> <p data-bbox="1043 611 1390 730"><b><u>Contoh pemuatan syarat-syarat khas lesen import:</u></b></p> <p data-bbox="869 824 1390 1070">Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 mestilah tidak bercampur dengan bahan lain seperti kertas, kaca, kayu, logam dan buangan terjadual sebagaimana Gambar C1.</p>
 <p data-bbox="443 1883 603 1919"><b>Gambar C2</b></p>	<div data-bbox="895 1290 1007 1397"> </div> <p data-bbox="1043 1283 1390 1402"><b><u>Contoh pelanggaran syarat-syarat khas lesen import:</u></b></p> <p data-bbox="869 1496 1390 1742">Sisa Pepejal Import Plastik di bawah HS Kod 39.15 yang tidak homogen kerana bercampur dengan bahan logam sebagaimana Gambar C2 adalah tidak mematuhi syarat-syarat khas lesen import.</p>



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)**

No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 Putrajaya, Malaysia.

[www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)